



PERJALANAN SENI "PAKYUNG" NEGARA

Makyung merupakan satu daripada khazanah seni tradisional Melayu yang menggabungkan elemen tarian, nyanyian dan lakonan dalam satu persembahan. Apabila memperkatakan tentang seni persembahan makyung, pastinya kita terbayangkan sekumpulan wanita yang menyanyi dan menari serta berlakon dengan diiringi alunan lagu mengadap rebab. Namun begitu, tidak ramai yang menyedari bahawa akan kewujudan individu lelaki dalam penglibatan seni persembahan ini, lebih-lebih lagi membawa watak utama, iaitu "Pakyung", dalam persembahan makyung.

Rosnan Abdul Rahman sememangnya sudah tidak asing lagi dalam dunia kesenian makyung. Beliau yang berasal dari Pokok Sena, Kedah, terlibat dalam bidang seni persembahan tradisional ini sejak dari bangku sekolah rendah. Anak bongsu daripada lima adik-beradik ini pada awalnya mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Pokok Sena, kemudian melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM). Yang menariknya, beliau yang mempunyai lulusan sarjana muda dalam bidang Sains Seni Bina ini mampu mencipta nama dalam dunia seni tradisional sehingga mendapat jolokan "Pakyung" lelaki pertama di Malaysia.

Kini, setelah lebih 20 tahun bergiat dalam dunia makyung, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan dengan misi utamanya

untuk melahirkan lebih banyak "Pakyung" dalam kalangan generasi muda. Sidang editorial *Dewan Budaya* berkesempatan bertemu Rosnan Abdul Rahman untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang perjalanan beliau selama dua dekad dalam dunia kesenian makyung ini sehingga dilantik sebagai Pengarah JKKN Kelantan.

Bagaimanakah perjalanan dalam dunia kesenian sebagai penggiat seni persembahan makyung?

Perjalanan saya dalam seni budaya ini bermula sejak zaman sekolah dan universiti kerana minat saya yang mendalam terhadap dunia seni, walaupun saya belajar dalam bidang seni bina ketika berada di universiti. Kemudian, saya menjadi pensyarah selama setahun

di kolej swasta di Negeri Sembilan. Kemudiannya saya ditawarkan jawatan sebagai pegawai kebudayaan, tetapi saya berada dalam dilema, sama ada untuk menerima tawaran tersebut atau meneruskan karier sebagai arkitek. Selepas mendapatkan pandangan daripada keluarga, akhirnya saya memutuskan untuk menjadi pegawai kebudayaan di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada tahun 2001, dan ditempatkan di Istana Budaya.

Pada mulanya, saya mengenali dan mendekati diri dengan makyung ketika saya belajar di Universiti Sains Malaysia (USM) dan diperkenalkan oleh Dr. Mohamed Ghouse Nasuruddin. Beliau dan adiguru Che Mat Jusoh, karyawan tamu di USM, mengajar saya tentang selok-belok seni makyung. Seterusnya, apabila saya ditempatkan di Istana Budaya, saya meneruskan minat dalam seni makyung dengan dibantu oleh guru saya, iaitu Fatimah Abdullah yang juga merupakan tenaga pengajar di ASWARA. Detik itulah yang menjadi titik tolak bagi diri saya untuk dikenali sebagai "Pakyung" lelaki yang pertama di Malaysia.

Secara umumnya, bilangan "Pakyung" lelaki tidak ramai dalam kesenian makyung ketika zaman Khatijah Awang, iaitu pada tahun 1970-an. Beliau melahirkan rasa bimbang kerana kurangnya pelapis dalam kalangan lelaki. Bermula pada detik itulah, saya mendalami seni makyung sejak tahun 1995. Saya mengambil masa hampir 10 tahun untuk menguasai kemahiran dan menjadi aktor makyung yang mantap. Hal ini kerana kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang untuk menjadi "Pakyung" yang baik ialah kemahiran berlakon, menyanyi dan menari. Ketiga-tiga elemen tersebut amat sukar untuk dikuasai dan tidak ada pada semua orang.

Seperti yang diketahui umum, seni persembahan makyung diiktiraf sebagai warisan dunia oleh UNESCO. Walau bagaimanapun, di Malaysia, pengiktirafan ini seolah-olah tidak dimanfaatkan dan makyung seperti dilupakan. Di manakah silapnya?

Sebagai penggiat seni makyung, saya melihat bahawa masyarakat, khususnya generasi muda kini, tidak lagi meminati seni tersebut kerana tiadanya medium untuk melihat persembahan makyung. Mereka hanya mengenali seni makyung apabila melanjutkan pelajaran ke universiti. Kesilapan ini disebabkan oleh tiada pendedahan diberikan kepada pelajar khususnya dalam kesenian kebudayaan sejak dari awal. Saya berpandangan bahawa perlu diwujudkan sukatan pelajaran tertentu yang memperkenalkan cara hidup kebudayaan di peringkat sekolah, seperti cara makan,

cara bersosial, cara berpakaian dan sebagainya. Para pelajar perlu diberikan pendedahan peringkat awal secara konsisten untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya.

Makyung hanya diajar secara formal pada peringkat universiti sahaja, iaitu pelajar yang mengambil bidang teater. Kebanyakan pelajar yang mengambil bidang ini hanya sekadar mahu lulus peperiksaan sahaja dalam subjek makyung. Oleh sebab itu, kita perlu mengubah proses pemilihan pelajar dan memberikan geran atau biasiswa kepada pelajar yang betul-betul berminat untuk membentuk pelapis dalam makyung. Sebagai contohnya, sebelum ini, pelakon Nad Zainal merupakan produk ASWARA yang terlibat dalam kesenian makyung. Beliau sangat berminat untuk berlakon dalam pementasan makyung, namun beralih arah kepada dunia lakonan komersial kerana kekurangan peluang untuk berlakon dalam kesenian tradisional ini.

Ramai penggiat seni tradisional lain yang turut bergelut untuk mendapatkan ruang dan peluang kerana bayaran yang diterima tidak setimpit, seperti dunia lakonan komersial. Hal ini berbeza dengan negara Jepun yang memberikan pengiktirafan tinggi kepada penggiat seni kebudayaan mereka.

Bagaimanakah untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap nilai komersial kesenian kebudayaan tradisional ini?

Apabila memperkatakan tentang nilai komersial, kita perlu mengeluarkan sesuatu produk yang mempunyai pakej yang lengkap apabila membuat pementasan karya kepada masyarakat. Sebagai contohnya, apabila hendak membuat persembahan makyung di Istana Budaya, saya perlu mencipta suatu suasana yang dapat menarik mata masyarakat, seperti poster pementasan, agar mereka datang menyaksikan persembahan tersebut. Selain itu, saya mementingkan elemen artistik, seperti pencahayaan, pentas, dan nilai estetika untuk menarik perhatian penonton. Hal itulah yang dapat melahirkan suatu persembahan yang mantap dan mampu



Rosnan Abdul Rahman, Pengarah JKKK Kelantan.

menarik kehadiran penonton yang ramai, sekali gus meningkatkan nilai komersial makyung.

Selain itu, saya mengundang selebriti yang terkenal dan mempunyai ramai peminat untuk terlibat dalam persembahan makyung sebagai salah satu strategi pemasaran. Artis itu perlu mengambil kelas dengan saya untuk mempelajari seni makyung sebelum membuat pementasan. Proses tersebut memakan masa yang panjang dan menggunakan tenaga yang banyak, tetapi hasilnya sangat berbaloi. Pementasan makyung baru-baru ini dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang turut dan memuji pementasan makyung tersebut di laman sosial baginda. Hal itu merupakan satu maklum balas yang sangat baik kerana dapat membantu meningkatkan minat masyarakat terhadap kesenian makyung.

Apakah nilai yang terdapat dalam kesenian makyung yang berupaya membentuk personaliti seseorang untuk diterapkan dalam kehidupan?

Apabila saya mula-mula menceburi bidang seni, saya banyak menari sahaja dan kurang bercakap. Saya kurang berkeyakinan untuk berinteraksi dengan orang. Apabila saya berlakon teater makyung, saya dapat membina keyakinan untuk berinteraksi dengan khalayak. Selain itu, kita juga dapat menyerlahkan nilai-nilai murni kepada khalayak untuk dijadikan sebagai ikutan. Kita juga dapat mengilap kemahiran kepimpinan dalam diri apabila kita mengetahui produksi atau persembahan.

Sebelum ini saya pernah membuat persembahan di luar negara, seperti di Tokyo, New York dan lain-lain lagi, mereka sangat menghargainya kerana mereka tahu setiap kesenian tradisional mempunyai nilai murni untuk diterapkan dalam kehidupan. Walaupun mereka tidak memahami dialog dalam pementasan makyung, tetapi mereka tetap hormat terhadap kesenian tradisional ini.

Kini, sebagai Pengarah JKKN Kelantan, apakah misi utama dan cabaran untuk memperkenalkan seni dan budaya tempatan, khususnya makyung?

Salah satu sebab saya ditempatkan di JKKN Kelantan adalah untuk membentuk pelapis generasi makyung di Kelantan. Hal ini kerana kita kekurangan pelapis dalam seni teater makyung. Saya juga bertanggungjawab untuk mengangkat dan melestarikan kesenian lain. Oleh sebab Mak Yong diitkraf oleh UNESCO, kesenian tradisional ini dilihat mempunyai kelas yang tersendiri. Kini, tanggungjawab saya sebagai Pengarah JKKN Kelantan amat besar dan skop tugas turut berubah, antaranya termasuklah dari segi pengurusan, kewangan, mendekati diri dengan pengiat seni, bekerjasama dengan kerajaan negeri dan lain-lain lagi. Alhamdulillah, saya mudah diterima di sini kerana masyarakat di sini sudah mengenali saya sebagai "Pakyung". Saya sangat bersyukur atas penerimaan tersebut.

Saya akan bersara dalam dunia kesenian makyung ini dalam tempoh tiga atau empat tahun akan datang, tetapi selepas saya

membentuk generasi pelapis dalam kalangan golongan muda. Saya pun tidak selama-lamanya akan terus berlakon dalam makyung. Apabila saya dilantik ke jawatan ini, Ketua Pengarah JKKN berpesan agar saya perlu membuat anjakan termasuklah cara pemikiran dan sebagainya, kerana saya berperanan sebagai pentadbir unit negeri. Beliau juga sempat berpesan kepada saya untuk mengehadkan penglibatan dalam bidang seni kerana tugas yang dipikul sangat berat. Saya perlu memfokuskan kepada pengurusan dan pentadbiran, tetapi sekiranya terdapat undangan persembahan daripada mana-mana pihak, saya akan meminta kebenaran daripada pengurusan tertinggi JKKN terlebih dahulu.

Secara peribadinya, sudah tentu saya berasa sangat sedih terpaksa meninggalkan dunia makyung ini. Hal ini kerana makyung sudah sebatih dalam diri saya dan yang paling merisaukan saya ialah makyung tidak mempunyai generasi pelapis yang dapat meneruskan legasinya. Kadang kala, selaku penggiat, kita sudah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan makyung kepada masyarakat, tetapi penerimaannya masih kurang memberangsangkan. Keadaan itulah lebih membuatkan saya berasa sedih dan hampir putus asa. Selepas ini, mungkin saya masih terlibat dalam pementasan makyung, tetapi hanya di belakang tabir sahaja.

Dahulu, makyung pernah diharamkan pementasannya di Kelantan kerana dikatakan mempunyai unsur yang bertentangan dengan agama Islam dan kemudiannya makyung dibenarkan aktif semula. Apakah perbezaan makyung "dahulu" dan "sekarang"?

Salah satu perbezaan yang paling ketara ialah persembahan makyung kini tidak lagi melibatkan pelakon perempuan. Selain itu, produksi pementasan makyung juga perlu mengolah daripada 12 buah cerita makyung, hanya empat cerita sahaja yang sesuai untuk dipersembahkan secara terbuka. Cerita lain sukar untuk dipersembahkan kepada khalayak kerana mempunyai watak perempuan, seperti watak permaisuri, puteri dan lain-lain lagi. Keadaan tersebut secara tidak langsung memberikan kesan kepada persembahan makyung, ekor penguatkuasaan daripada pihak kerajaan tempatan.

Walaupun bagaimanapun, setiap elemen makyung yang asal masih ada dalam setiap persembahan makyung patuh syariah di Kelantan. Struktur asas pementasan makyung masih lagi dikekalkan. Sebenarnya, banyak penggiat seni makyung kurang bersetuju dengan

penetapan undang-undang ini, tetapi saya tetap memikirkannya secara optimis. Bagi saya, masyarakat sudah dapat melihat secara langsung tarian makyung, lagu, pakaian yang dipakai oleh Pakyung, cerita dan lain-lain lagi. Cuma perbezaannya tiada penari perempuan. Mungkin ada perbincangan atau diplomasi dengan pihak kerajaan negeri untuk membenarkan perempuan mengambil bahagian dalam makyung, tetapi perlu mematuhi tatasusila yang ditetapkan. Pokok pangkalnya, makyung sudah dibenarkan untuk dipentaskan secara patuh syariah, dan perkara tersebut sudah memadai bagi diri saya.

Pada hakikatnya, kita tidak berupaya membuat persembahan makyung yang asli seratus peratus kerana kekangan tertentu. Antaranya termasuklah disebabkan faktor masa. Persembahan makyung yang asli mengambil masa tiga hari tiga malam kerana jalan ceritanya yang sangat panjang. Oleh hal yang demikian, kebanyakan produksi menetapkan persembahan makyung kini hanya mengambil masa satu jam hingga satu jam setengah sahaja, dengan memampatkan jalan penceritaannya.

Negeri Kelantan terkenal dengan kepelbagaian kesenian dan kebudayaan, seperti makyung, dikir barat, pembuatan wau dan sebagainya. Apakah bidang kesenian dan kebudayaan lain yang perlu diperkenalkan dan diangkat di negeri ini?

Bagi saya, antara kesenian tradisional lain yang perlu diangkat di Kelantan termasuklah Tarian Inai. Keunikan tarian ini terletak pada gerakannya, seakan-akan gerakan silat, yang melentur badan ke belakang dan mengambil duit dengan mulut. Tarian tersebut hampir pupus kerana kekurangan pelapis. Kelantan dahulu mempunyai jajahan yang luas yang meliputi Pattani dan Langkasuka. Kelantan-Pattani dahulu sangat kaya dengan kesenian dan kebudayaan.

Semasa saya ditempatkan di unit penyelidikan dan pembangunan, kami membangunkan semula kumpulan bakat kesenian yang hampir pupus dan bertanggungjawab membangunkan pelapis. Oleh sebab itu, pada tahun ini, pihak kami sedang giat menyerlahkan Tarian Inai agar sekurang-kurangnya berada pada tahap yang sama dengan makyung. Selain itu, antara kesenian lain di negeri ini yang perlu diangkat termasuklah zikir laba, rebana kercing, zapin salor, dan tok selampit. Pihak kami sedang merangka program, yang dinamakan sebagai Program Satelit, dengan pihak sekolah dan jabatan pendidikan negeri untuk melahirkan pelapis dalam kalangan pelajar sekolah. Tujuannya adalah

untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya, menghargai dan mengenali kesenian tradisi.

Bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 dan Tahun Melawat Kelantan 2020, apakah usaha JKKN untuk menyemarakkan lagi sambutan tersebut?

Kerajaan Negeri Kelantan sangat menyokong aktiviti kebudayaan di negeri ini. Jalinan kerjasama antara kerajaan negeri dengan JKNN sangat baik. Pihak kerajaan negeri berusaha secara aktif untuk mengangkat martabat kesenian kebudayaan kepada masyarakat. Antara program yang dianjurkan termasuklah pertandingan dikir barat peringkat kebangsaan dan antarabangsa, persembahan makyung sudah mendapat sambutan di sekolah, dan sekolah seni turut terlibat dalam aktiviti kebudayaan kesenian. Situasi ini menunjukkan bahawa masyarakat kini semakin sedar dan berusaha mengambil bahagian untuk bersama-sama memartabatkan kesenian kebudayaan.

Kini, kerajaan negeri sedang giat mempromosikan silat kerana silat juga antara kesenian kebudayaan yang hampir pupus. Silat mempunyai berbagai-bagai jenis silat seperti silat bunga, silat gayung, silat cekak dan lain-lain lagi. Pihak kami sedang menyusun beberapa program seperti jelajah makyung di daerah Kelantan dan negeri lain kerana terdapat segelintir masyarakat Kelantan sendiri kurang mengenali dan melihat persembahan makyung. Diharapkan usaha ini dapat menjadikan makyung sebagai satu produk pelancongan dalam Tahun Melawat Malaysia 2020 dan dapat menarik lebih ramai pelancong ke negara kita serta melihat dengan lebih dekat kesenian kebudayaan tradisional di negara ini.

Apakah usaha pihak JKKN untuk mengangkat kesenian dan kebudayaan tradisional tempatan agar kekal relevan pada zaman moden ini?

Pertama sekali, kami berusaha untuk mendekatkan masyarakat dengan JKNN dengan merangka pelbagai aktiviti yang melibatkan mereka. Sebagai contohnya, pihak kami membuat aktiviti pada cuti sekolah dengan mengajak masyarakat datang untuk melibatkan diri dalam aktiviti santai kebudayaan, seperti membuat wau, mencanting batik, belajar tarian makyung, membuat patung wayang kulit dan lain-lain lagi. Hal ini bertujuan untuk menimbulkan perasaan apresiasi terhadap kesenian dan kebudayaan.

Melalui program tersebut, mereka akan membawa pulang kemahiran dan produk yang dihasilkan untuk diabadikan dalam kenangan mereka. Hal ini merupakan satu kejayaan bagi kami apabila masyarakat menzahirkan perasaan untuk menghargai kesenian dan kebudayaan tradisi. Selain itu, program seperti bengkel dan diskusi seni bersama-sama ikon muda, seperti Nad Zainal, Izue Islam, Issey dan lain-lain juga diharapkan dapat menanamkan minat masyarakat terhadap seni budaya agar masyarakat tidak kekok untuk berbicara tentang kesenian kebudayaan tradisional mereka.